



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam**

**PEGAWAI MELESEN (C.1-2 EB.3)  
JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI MELESEN  
JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Daerah Tutong dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berkemahiran dalam menggunakan komputer adalah kelebihan.
3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membuat pemeriksaan ke tempat-tempat perniagaan yang dipohonkan untuk dilesenkan dan seterusnya menyediakan laporan mengenainya;
2. Memastikan peniaga-peniaga mempunyai lesen rampaian dan sentiasa mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan menurut Akta Lesen Rampaian (Penggal 127) dan Perintah Darurat (Hiburan Awam);
3. Membantu menjalankan aktiviti penguatkuasaan bersama-sama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan dengan Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Negara Brunei Darussalam;



4. Sentiasa bertugas di luar waktu pejabat termasuk waktu-waktu cuti awam jika diperlukan; dan
5. Menerima arahan dari semasa ke semasa daripada pegawai atasan.